

**SOALAN NO: 20**

**PARLIMEN MALAYSIA**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : Lisan**

**DARIPADA : Dato' Kamarul Baharin Bin Abbas  
[Telok Kemang]**

**TARIKH : 30 Oktober 2017**

**SOALAN : Dato' Kamarul Baharin Bin Abbas  
[Telok Kemang] minta MENTERI  
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS  
TANI menyatakan perkembangan  
program-program dan rancangan  
Kementerian dalam menghasilkan  
makanan sendiri, untuk mengurangkan  
import makanan yang telah meningkat  
lebih RM45 bilion sehingga sekarang.**

## JAWAPAN

**Tuan Yang Dipertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkembangan program-program dan rancangan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) dalam menghasilkan makanan sendiri untuk mengurangkan import makanan adalah seperti perancangan berikut:

- a) Membangunkan industri tenusu melalui program pembiakbakaan baka tempatan bagi mengurangkan import susu dan hasil tenusu, pembangunan usahawan tenusu berskala besar serta transformasi penternak berskala kecil. Sebanyak lima (5) Lembah Tenusu akan dibangunkan di dalam negara dengan mensasarkan tambahan susu sebanyak 20 juta liter dalam tempoh lima (5) tahun. Antara contoh Projek Rintis Industri Tenusu adalah di Lembah Tenusu Muadzam Shah yang menjadi projek nasional bagi tujuan membangunkan industri tenusu Negara selain projek rintis yang merangkumi kawasan Pekan, Rompin dan Kuantan, Pahang dan juga transformasi sebahagian penternak tenusu di kawasan Segamat, Johor dan Gemenceh, Negeri Sembilan; dan
- b) Membangunkan Industri Jagung Bijirin bagi menangani import bahan makanan untuk ternakan di lokasi-lokasi berpotensi

seluas 758 hektar bagi perluasan projek rintis jagung bijirin bagi tahun 2017 di 10 buah negeri antaranya Terengganu, Perak, Johor, Sabah dan Sarawak. Antara contoh projek rintis adalah Model Penanaman Jagung Kemaman di Kampung Dadong, Terengganu yang melibatkan kawasan seluas 38 ha di jelapang padi.

Selain daripada itu, Kementerian juga turut melaksanakan program-program lain program untuk menghasilkan makanan sendiri bagi mengurangkan import makanan iaitu dengan melaksanakan Projek Berimpak Tinggi seperti Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Zon Industri Akuakultur (ZIA), Ladang Kontrak dan Pembangunan Usahawan Asas Tani, melaksanakan pelbagai projek agromakanan yang mempunyai potensi pertumbuhan tinggi seperti akuakultur, rumput laut, sarang burung walit, produk herba, buah-buahan dan sayur-sayuran serta makanan proses premium melalui program Bidang Utama Ekonomi Negara (NKEA) serta membangunkan 4 kawasan pembangunan pertanian bersepadu (IADA) iaitu Pekan dan Rompin di Pahang, Batang Lupar di Sarawak dan Kota Belud di Sabah sebagai jelapang padi negara yang baru.

Namun begitu, pengimportan bahan makanan masih perlu dilakukan bagi menampung kekurangan pengeluaran tempatan dan memenuhi permintaan dalam negara terutama bagi bahan makanan yang tidak ekonomik untuk dihasilkan dalam negara seperti buah-buahan dan sayur-sayuran *temperate*, gandum, gula dan sediaan gula.